

Sahut cabaran Perdana Menteri atau berhenti main wayang

Cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada pihak mendakwa mempunyai sokongan cukup untuk menumbangkan kerajaan supaya membawa usul berkenaan ke sidang Parlimen bulan ini, sepatutnya memberi isyarat jelas kepada ahli politik tidak sudah-sudah gemar bermain politik angka.

Ini kerana golongan ini bagaikan tidak mepedulikan kebimbangan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar sebelum ini terhadap desas-desus berhubung isu kestabilan kerajaan yang terus kedengaran meskipun sudah enam bulan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) berlalu.

Titah 'sudah-sudahlah' itu sepatutnya sudah cukup menamatkan sebarang permainan politik kerana baginda bakal dinobatkan selepas tempoh pemerintahan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang turut menitahkan supaya kemelut politik tidak lagi berterusan sebelum ini.

Cabaran Perdana Menteri itu bukanlah kenyataan kosong kerana beliau sendiri melepasi ujian pertama mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen sebagai Perdana Menteri Ke-10 dalam usul percaya ketika sidang Parlimen dibuka akhir tahun lalu, walaupun tidak ada keperluan dari sudut undang-undang untuk berbuat demikian. Menariknya, Ketua Penerangan BERSATU semalam mengakui tiada perbincangan berkaitan angka untuk menjatuhkan kerajaan pada peringkat partinya.

"Permainan angka
sebegini boleh memberikan
gambaran salah terhadap
ketidakstabilan kerajaan"

Justeru, mana-mana pihak diingatkan tidak bermain wayang kulit atau baling batu sembunyi tangan, termasuk di media sosial, sebaliknya bersedia menyahut cabaran untuk membentangkan usul tidak percaya ketika Persidangan Dewan Rakyat yang bermula 22 Mei ini.

Hakikatnya, permainan angka sebegini boleh memberikan gambaran salah terhadap ketidakstabilan kerajaan yang menjadi antara petunjuk penting kepada pelabur hingga boleh menjejaskan usaha pemulihan ekonomi, sekali gus berkait langsung dengan denyut nadi kehidupan rakyat.

Ahli politik terutama ahli Parlimen usah memperjudikan nasib rakyat demi politik sempit parti kerana kebimbangan utama umum adalah situasi ekonomi semasa, bukannya mahu melihat siapakah bakal menjadi Perdana Menteri seterusnya atau 'giliran' parti mana pula membentuk kerajaan.

Malah, permainan sebegini dikhuatiri akan mewujudkan kelesuan politik berisiko menjejaskan pelaksanaan Pilihan Raya Negeri (PRN) yang menjadi antara mekanisme penting dalam demokrasi berparlimen, sekali gus menghakik kepercayaan rakyat terhadap bukan sahaja kredibiliti ahli Parlimen, bahkan sistem politik itu sendiri.